



**FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN USAHAWAN WANITA KELANTAN:
ANALISIS TEMATIK BERDASARKAN KEJAYAAN PERNIAGAAN
SAYYIDATINA KHADIJAH R.A.**

Nor Sabrina Zahari^{1*}, Azyanee Luqman², Suraya Husin³, Nor Zuriati Amani Ab
Rani⁴ & Wan Marhaini Wan Omar⁵

^{1,2,3,4,5}Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Kelantan

18500 Bandar Machang, Machang, Kelantan

*sabrina207@uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.6041>

Abstrak

Usahawan wanita memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita masih terhad, terutama di Kelantan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita di Kelantan, iaitu dengan memfokuskan tiga elemen utama iaitu kerjaya, pengurusan keluarga, dan keterlibatan dalam masyarakat. Metodologi kajian melibatkan pengumpulan data melalui kaedah temubual 61 orang usahawan wanita di Kelantan. Pemilihan usahawan wanita ini berdasarkan ciri-ciri wanita Kelantan yang mempunyai keunikan tersendiri dalam bidang usahawan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti kerjaya, pengurusan keluarga, dan keterlibatan dalam masyarakat memainkan peranan penting dalam kejayaan usahawan wanita di Kelantan. Dapatan kajian ini memberikan panduan penting kepada pihak berkepentingan dalam membangunkan inisiatif, pembentukan polisi dan sokongan yang lebih baik untuk memperkukuhkan kejayaan usahawan wanita di Kelantan.

Kata kunci: Sayyidatina Khadijah R.A, Usahawan Wanita Kelantan, Kerjaya, Pengurusan Keluarga, Keterlibatan Dalam Masyarakat.

E-JITU

Acceptance date:

17 July 2024

Valuation date:

18 September 2024

Publication date:

21 October 2024

***SUCCESS FACTORS OF KELANTAN WOMEN ENTREPRENEURS:
THEMATIC ANALYSIS BASED ON BUSINESS SUCCESS SAYYIDATINA
KHADIJAH R.A.***

Abstract

Women entrepreneurs play an important role in economic growth and social development in Malaysia. However, research on the factors that influence the success of female entrepreneurs is still limited, especially in Kelantan. Therefore, this study aims to identify the factors that influence the success of female entrepreneurs in Kelantan, namely by focusing on three main elements, namely career, family management, and involvement in society. The research methodology involved data collection through interviewing 61 female entrepreneurs in Kelantan. The selection of these women entrepreneurs is based on the characteristics of Kelantan women who have their own uniqueness in the field of entrepreneurship. The results of the study show that factors such as career, family management, and involvement in society play an important role in the success of female entrepreneurs in Kelantan. The findings of this study provide important guidance to stakeholders in developing initiatives, policy formation and better support to strengthen the success of women entrepreneurs in Kelantan.

Keywords: Sayyidatina Khadijah R.A, Kelantan Female Entrepreneur, Career, Family Management, Involvement In Society.

PENGENALAN

Pada era moden ini, semakin ramai wanita yang aktif dalam bidang perniagaan. Wanita merupakan sebahagian besar daripada populasi Malaysia dan memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Selain sebagai isteri, ibu, dan anak, mereka juga menjadi tonggak utama dalam membentuk generasi Malaysia yang penuh kasih sayang dan progresif pada masa depan. Mengikut statistik, 47% daripada jumlah penduduk Malaysia, iaitu sekitar 16.2 juta orang, terdiri daripada golongan wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Berdasarkan laporan Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat 2024, 55.5% daripada jumlah penduduk wanita berada dalam tenaga buruh. Keadaan ini menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti pembangunan negara semakin meningkat, terutamanya dalam bidang keusahawanan. Keusahawanan adalah bidang yang telah lama diterima dalam masyarakat Islam, sejak zaman awal kedatangan Islam, dan Nabi Muhammad SAW sendiri terlibat dalam perniagaan. Dalam sejarah hidup Rasulullah SAW, aktiviti keusahawanan ini sebenarnya telah dimulakan oleh Sayyidatina Khadijah R.A yang juga merupakan seorang usahawan wanita berjaya.

Menurut Suaibah et al. (2007), usahawan wanita menunjukkan kemampuan untuk berada di barisan hadapan dalam pelbagai bidang perniagaan. Bagi wanita Malaysia, dunia

perniagaan bukanlah sesuatu yang asing dalam era globalisasi ini. Dengan semangat, komitmen, dan keinginan yang dimiliki oleh wanita pada hari ini, tidak mustahil jika suatu hari nanti mereka akan menjadi pemimpin utama dalam dunia perniagaan. Peranan yang dimainkan oleh wanita Muslim ini jelas dapat memperkukuh ekonomi keluarga dan negara (Shafezah Abdul Wahab, 2019). Oleh itu, ramai usahawan wanita Muslim yang telah berjaya menjadi jutawan terkenal. Dalam Islam, terdapat prinsip-prinsip penting yang harus diutamakan oleh seorang mukmin dalam menjalankan perniagaan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh tokoh wanita agung, Sayyidatina Khadijah R.A.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kelantan memiliki ciri-ciri unik dan tersendiri dari segi adat dan budaya termasuklah budaya perniagaan terutamanya dalam kalangan wanita. Tidak hairanlah, dunia perniagaan atau keusahawanan bukanlah merupakan satu bidang yang asing bagi penduduk negeri Kelantan. Kebanyakan anak kelahiran Kelantan yang merantau ke negeri-negeri lain, cenderung untuk berniaga walaupun sebagai pekerjaan sampingan (Ibrahim & Dawood, 2020). Sehubungan itu, budaya perniagaan wanita Kelantan dilihat mempunyai keunikan tersendiri yang jarang dimiliki oleh usahawan wanita di kebanyakan negeri lain.

Kejayaan yang dikecapi oleh usahawan wanita Kelantan yang mengusahakan pelbagai jenis perniagaan tentu mempunyai pelbagai cabaran dalam dunia perniagaan. Sungguh pun begitu, cabaran sebagai seorang usahawan wanita muslim berjaya bukan sahaja dilihat dalam bidang perniagaan semata-mata, namun harus berpegang teguh kepada ajaran Islam. Namun demikian, ciri-ciri usahawan wanita Kelantan dilihat amat mirip dan berteraskan ciri-ciri keusahawanan Sayyidatina Khadijah R.A yang jarang diketengahkan. Tambahan pula, bagi seseorang usahawan wanita, kejayaan dalam bidang keusahawanan bukan diukur dalam aspek material semata-mata, bahkan lebih kepada perjuangan dan tanggungjawab dalam menegakkan nilai-nilai akhlak Islam (Muhammad Ali Hashim, 2002) et al., 2009.

Oleh yang demikian, berdasarkan kerangka sirah Islam yang berpaksikan keperibadian, sikap-sikap terpuji dan ciri-ciri keusahawanan Sayyidatina Khadijah R.A sebagai tokoh usahawan wanita Islam, maka penyelidik berhasrat untuk meneliti faktor-faktor kejayaan usahawan wanita di Kelantan, dengan mengambil kira elemen-elemen kejayaan yang dimiliki oleh Sayyidatina Khadijah R.A dalam bidang keusahawanan. Kajian ini selari dengan Dasar Wanita Kelantan dan Dasar Wanita Solehah Negeri Kelantan 2023 (DWSNK) bagi memenuhi elemen wanita, ekonomi dan pekerjaan. Kajian ini dilakukan khusus untuk dijadikan panduan dalam pembangunan dan pemerkasaan wanita Kelantan terhadap keusahawanan yang berteraskan keperibadian Sayyidatina Khadijah R.A, tanpa mengira apa jua peranan yang digalas oleh golongan wanita.

SOROTAN LITERATUR

Usahawan Wanita

Menurut kajian Mohd. Hassan Mohd. Osman (2007), Duchesneau dan Gartner (1988) telah menjalankan kajian terhadap 26 firma kecil yang merangkumi 13 firma yang berjaya dan 13 firma yang dianggap tidak berjaya. Hasil kajian menunjukkan ciri-ciri kepimpinan usahawan yang berjaya adalah datang daripada keluarga usahawan dan mempunyai tahap yang tinggi dalam pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dalam mengurus, pengalaman ketika memulakan perniagaan, keyakinan diri dan sikap mengambil berat dalam mengurangkan risiko berbanding usahawan yang tidak berjaya. Usahawan tersebut mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas dalam bidang perniagaan yang didapati daripada pengalaman kerja dan juga pengalaman sendiri semasa kecil (Zainal Abidin, 2007). Kajian oleh Muhamad Asri et.al (2012) mendapati bahawa faktor inisiatif diri, dorongan keluarga dan agama merupakan faktor utama yang mendorong mereka menceburi bidang usahawan. Ini menunjukkan faktor sokongan keluarga dilihat memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan latar belakang yang menjurus kepada minat dalam menceburi bidang keusahawanan.

Di samping itu, dalam usaha untuk mencapai kejayaan usahawan muda dalam perniagaan adalah faktor kemahiran ilmu pengetahuan, pemasaran yang baik dan juga pengurusan organisasi yang baik dan kerjasama jaringan luar dengan masyarakat. Menurut Audia dan Rider (2005) dalam kajian Ishak et al. (2001) mengatakan faktor pengetahuan dan kemahiran terhadap usahawan muda mengenai peluang dan potensi yang dimiliki oleh sesuatu industri. Ini bagi membolehkan usahawan berpandangan jauh berdasarkan pengetahuan perniagaan yang dimiliki serta kemahiran dalam membuat perancangan dan strategi bagi mencapai kejayaan perniagaan. Selain itu, hujah lain menyatakan bahawa faktor hubungan kerjasama dan jaringan luar dengan Masyarakat adalah suatu hal yang penting dalam kejayaan keusahawanan kerana ianya dapat meluaskan pemasaran produk yang ditawarkan (Bron & Markman, 2000).

Syed Shah Alam, Mohd Fauzi Mohd Jani dan Nor Asiah Omar (2011), dalam kajian mereka menyatakan bahawa sokongan keluarga, hubungan sosial dan motivasi dalaman memberi kesan positif serta signifikan kepada kejayaan usahawan wanita dalam perniagaan kecil. Sokongan yang berterusan dan pergaulan yang lebih meluas dalam masyarakat, menjadikan seseorang usahawan itu lebih bermotivasi dan sentiasa berusaha untuk terus maju ke hadapan. (Muhammad Rafiq Abdullah Husmin, Safura Ahmad Sabri, Hazlin

Falina Rosli, Nurzakira Afnee Zakaria, Mohammad Aizham Mohammad Kassim & Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi, 2016).

Selain itu, satu kajian telah dijalankan dalam kalangan ibu tunggal di negeri Johor oleh Suaibah et al. (2005). Hasil kajian mendapati faktor utama yang mendorong ibu tunggal di negeri Johor menceburi bidang keusahawanan adalah untuk pendapatan. Selain faktor itu, faktor minat menjadikan mereka memilih kerjaya usahawan dan kurang berpuas hati dengan pekerjaan lama juga mendorong ibu tunggal menceburi bidang keusahawanan.

Manakala kajian terdahulu daripada Hisrich dan Brush (1984) telah menjalankan kajian berkenaan latar belakang usahawan wanita, di mana usahawan wanita ini mempunyai sifat semula jadi dalam bidang keusahawanan. Oleh sebab itulah mereka menjadikan keusahawanan ini sebagai satu pekerjaan.

Seperti di kebanyakan negeri lain di Malaysia, motivasi utama wanita di Kelantan untuk menceburi bidang keusahawanan adalah untuk memperbaiki taraf hidup keluarga mereka. Dalam kajian oleh Chung et al. (2014), didapati bahawa kebanyakan usahawan wanita di Kelantan memulakan perniagaan kerana keinginan untuk mencapai kemerdekaan kewangan dan menambah pendapatan keluarga, terutamanya di kalangan golongan wanita yang mempunyai latar belakang pendidikan rendah atau yang tinggal di kawasan luar bandar. Oleh sebab itu, mereka menjadikan keusahawanan ini sebagai kerjaya utama mereka.

Wanita di Kelantan, seperti di tempat lain, seringkali berhadapan dengan cabaran dalam menyeimbangkan peranan sebagai ibu, isteri, dan pekerja. Keusahawanan memberikan peluang kepada mereka untuk bekerja dari rumah atau mempunyai jadual yang lebih fleksibel, yang membolehkan mereka memberi perhatian kepada keluarga sambil menjana pendapatan. Sebagai contoh, dalam kajian oleh *Nor Hidayati et al. (2020)*, wanita yang menceburi bidang perniagaan seperti pengeluaran makanan dan kraftangan menyatakan bahawa keusahawanan memberi mereka kebebasan dalam mengatur masa kerja mereka.

Sayyidatina Khadijah R.A

Rehnuma Anis (2019) mengetengahkan senarai tokoh-tokoh wanita Islam yang diteladani umat kini termasuklah Sayyidatina Khadijah R.A, di mana mereka cemerlang sebagai ibu dan pengasuh kepada anak-anak. Mereka memberi contoh dan panduan bagaimana peranan ibu yang penyayang, isteri yang sentiasa menyokong samada mereka berkonflik dengan suami, tanpa suami atau dalam hubungan kasih sayang dengan suami. Mereka menunaikan kewajipan mereka terhadap anak-anak dengan sempurna dan berusaha keras membesarkan anak-anak agar menjadi orang yang beriman, individu yang bertanggungjawab dan jujur

dalam akhlak dan tingkah-laku dan seterusnya menjadi manusia yang produktif di dalam masyarakat.

Sayyidatina Khadijah R.A merupakan usahawan yang bijak mengambil peluang yang ada. Hal ini dijelaskan oleh Antonio (2018) dan Khoirul Amru Harahap (2009). Menurut mereka, Kota Mekah tidak pernah sunyi daripada kunjungan manusia dengan tujuan yang pelbagai. Ada di antara mereka yang datang ke Mekah untuk menjalankan ibadah, berniaga dan lain-lain lagi. Selain itu, kedudukan Mekah yang strategik dan terletak di laluan tengah perdagangan antarabangsa juga menarik minat pedagang luar untuk singgah di Kota Mekah. Melihat kepada senario tersebut, Sayyidatina Khadijah R.A mengambil peluang untuk berniaga bagi memenuhi keperluan dan kehendak penduduk tempatan mahupun pengunjung luar yang datang ke Kota Mekah.

Sayyidatina Khadijah R.A dikenali sebagai seorang usahawan yang ternama yang juga merupakan anak kepada usahawan kaya bernama Khuwailid bin Asad. Manakala, Ibunya pula Fatimah binti Za'idah, daripada Bani Amir mempunyai 34 kaitan kekeluargaan dengan keluarga Nabi Muhammad SAW. Selepas kematian bapanya pada 585 Masihi, Sayyidatina Khadijah R.A mewarisi kekayaan ayahandanya. Sejak itu, beliau menguruskannya dengan baik sehingga berjaya menjadi antara usahawan paling kaya di bumi Mekah, dengan jaringan perniagaan hingga ke Syria dan Yaman (Zain, 2010).

Sayyidatina Khadijah R.A sangat terserlah dalam menguruskan perniagaannya. Beliau begitu bersemangat dalam menguruskan perniagaan yang diwarisi oleh ayahandanya. Tidak hairanlah kenapa Sayyidatina Khadijah R.A menjadi tokoh usahawan yang dikenali dalam kalangan masyarakat Arab walaupun pada ketika itu tidak ramai kaum wanita yang melibatkan diri dan berjaya dalam perniagaan. Sayyidatina Khadijah R.A sangat positif dan menghargai jasa pekerjaanya terutamanya dari segi tenaga, sumbangan masa dan lontaran idea yang diberikan. Setiap idea yang dikongsi akan dikenalpasti dan diambilkira sebagai sumber maklumat yang boleh membantu dalam menambahbaik perniagaannya. Sayyidatina Khadijah R.A sama sekali tidak memperlekehkan atau merendahkan pekerja bawahan walaupun beliau adalah usahawan yang kaya dan berjaya serta mempunyai kebijaksanaan (Saleh et al, 2021).

Sebagai seorang ahli masyarakat yang dihormati Sayyidatina Khadijah R.A, beliau digelar Thahirah atau "Wanita yang suci" oleh masyarakat Arab Mekah dan dikenali juga sebagai Ummul Mukminin, pemimpin dan contoh bagi semua umat Islam (Masitah, 2021). Sayyidatina Khadijah R.A bukan semata-mata melakukan sesuatu perkara dengan baik, bahkan mempamerkan komitmen yang tinggi dan sempurna. Beliau mendermakan kesemua harta milikan tanpa rasa risau jika harta ini akan kehabisan, malah ketika hampir menghembuskan nafas terakhir, beliau masih memikirkan apa yang boleh diberi untuk Islam (Hassan, 2019).

Di awal tempoh penyebaran Islam, Sayyidatina Khadijah R.A memainkan banyak peranan penting demi kepentingan umat muslim saat itu. Ketika masyarakat Islam mengalami siksaan yang sangat berat dalam perjanjian pemboikotan yang dilakukan kafir Quraisy, Sayyidatina Khadijah R.A bermurah hati mengeluarkan semua harta bendanya demi kemaslahatan umat. Beliau tidak pernah berfikir hartanya akan berkurang ketika membantu kaum muslimin (Munawwarah, 2018). Beliau selalu memberi makanan dan pakaian kepada orang miskin, membantu saudara-maranya yang menghadapi masalah kewangan, termasuk membantu mereka yang tidak memiliki kemampuan kewangan untuk berkahwin (Zain, 2008).

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan temubual separa berstruktur. Kajian ini memfokuskan faktor-faktor kejayaan usahawan wanita Kelantan yang mempunyai persamaan dengan ciri-ciri usahawan wanita terulung iaitu Sayyidatina Khadijah R.A. Melalui temubual ini, data yang dikumpul daripada 61 orang usahawan wanita dianalisis untuk mengenalpasti ciri-ciri keusahawanan yang menonjol dan bagaimana ciri-ciri ini dapat diterapkan dalam konteks semasa untuk memacu kejayaan usahawan wanita di Kelantan.

Pendekatan kualitatif ini memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami lebih mendalam pengalaman, pandangan, dan strategi yang digunakan oleh usahawan wanita Kelantan, serta bagaimana mereka mengadaptasi prinsip-prinsip yang diamalkan oleh Sayyidatina Khadijah R.A. Dengan menggunakan temubual separa berstruktur, kajian ini dapat menghasilkan data yang kaya dan komprehensif, yang memungkinkan analisis mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita dalam konteks tempatan.

Populasi dan Persampelan

Pemilihan usahawan wanita Kelantan ditentukan oleh pihak Urus Setia Kebajikan Wanita dan Keluarga negeri Kelantan (U-KekWa). Pemilihan informan ini berdasarkan ciri-ciri seperti; mempunyai bilangan anak sekurang-kurangnya empat (4) orang dan lebih, memiliki anak-anak yang berjaya, rumahtangga yang bahagia serta suami sebagai penyokong kepada aktiviti wanita tersebut. Selain itu, masyarakat mengiktiraf mereka dan pernah memenangi anugerah atau menjadi Tokoh Wanita Kelantan atau ikon/tokoh daripada Kerajaan Negeri Kelantan atau mana-mana agensi. Terdapat juga usahawan yang pernah menjawat jawatan tertinggi dalam organisasi, mempunyai akhlak yang disegani dan cekal dalam menghadapi cabaran. Informan juga dipilih berdasarkan sumbangan dalam

perjuangan dan dakwah, aktif dan komited dengan dakwah, berpendapatan tinggi dan menjadi tulang belakang suami dan keluarga.

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah temu bual digunakan bagi mengetahui perspektif dan interpretasi seseorang terhadap sesuatu isu atau keadaan di sekelilingnya. Data dikumpul daripada 61 informan yang dipilih secara bertujuan dan dianalisis menggunakan kaedah tematik. Semua informan telah memberikan persetujuan bertulis dan data dikodkan secara anonim untuk menjaga kerahsiaan mereka. Temu bual ini memerlukan informan untuk memberikan pendapat atau input mereka berdasarkan 45 soalan berstruktur. Soalan berstruktur ini telah dihasilkan dengan merujuk kepada kajian lepas dan juga mendapat kelulusan dan kebenaran dari pihak U-KeKWa. Dengan melibatkan 61 orang usahawan wanita dalam kajian ini, penyelidik dapat memastikan bahawa data yang diperoleh adalah lebih representatif dan memberikan gambaran yang lebih luas mengenai faktor-faktor kejayaan yang relevan.

Analisis Data

Secara keseluruhannya, data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif terhadap pembolehubah-pembolehubah demografi manakala faktor-faktor penentu kejayaan usahawan dianalisis secara kualitatif menggunakan Atlas.ti.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Deskriptif

Bab ini menerangkan tentang dapatan kajian empirikal yang merangkumi maklumat profil informan usahawan wanita Kelantan yang terdiri daripada umur, status perkahwinan, latar belakang pendidikan, pendapatan bulanan, serta kategori perniagaan. Analisis secara deskriptif dilakukan bertujuan untuk memberikan deskripsi mengenai subjek penelitian berdasarkan data yang diperoleh.

Bil	Item	Kategori	Peratus
1.	Umur	20-29 tahun	3
		30-39 tahun	21
		40-49 tahun	26
		50-59 tahun	23
		60-69 tahun	15
		70 tahun ke atas	12
2.	Status perkahwinan	Bujang	5

		Berkahwin	77
		Ibu tunggal/Balu/Janda	18
3.	Pendidikan	Tidak bersekolah	2
		Sekolah rendah	10
		Sekolah menengah	24
		Sijil	2
		Diploma	16
		Ijazah	33
		Sarjana/PhD	5
		Tidak dinyatakan	8
4.	Pendapatan bulanan	RM 0- RM 10000	39
		RM 10000 – RM 50000	15
		RM 50000 – RM 100000	5
		RM 100000 ke atas	13
		Tidak dinyatakan	28
5.	Kategori perniagaan	Perkhidmatan Kerajaan	6
		Perkhidmatan Sewa	3
		Rumah Inap Desa	1
		Keselamatan	1
		Perkapalan	1
		Takaful	1
		Taska	3
		Optometri	1
		Aksesori/ barangan	3
		Perabot	3
		Butik Pengantin	1
		Akademi Spa Mobile	1
		Kosmetik	10
		Emas	3
		Kesihatan	4
		Pakaian (tudung/baju)	3
		Batik/ Songket	4
		Kraftangan	1
		Penternakan	3
		Pertanian	4
		Komoditi	1
		Madu Kelulut	4
		Sos & Pes Masakan	7
		Restoran/ Kedai Runcit	7
		Barang Sejuk Beku	4
		Kuih Muih & Sedia di Makan	9
		Biskut/ Kek	3

Berdasarkan jadual diatas menunjukkan majoriti usahawan wanita Kelantan berada dalam lingkungan umur lingkungan umur 40 – 49 tahun sebanyak 26%, manakala dari segi status perkahwinan pula kategori berkahwin menunjukkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 77%. Diikuti dengan latar belakang pendidikan kebanyakan usahawan wanita Kelantan berpendidikan ijazah sarjana muda iaitu sebanyak 33%. Berdasarkan analisis, informan berjaya menjana pendapatan tertinggi adalah dalam kategori di bawah RM10,000 setiap bulan iaitu sebanyak 39% namun kebanyakan informan tidak mahu menyatakan jumlah pendapatan yang diterima. Majoriti informan terlibat dalam bidang perniagaan produk kosmetik sebanyak 10%, diikuti 9% kategori kuih muih dan produk sedia dimakan manakala 7% terlibat dalam kategori makanan seperti pembuatan sos dan masakan serta restoran/kedai makan.

Analisis Persamaan Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Wanita Kelantan Dengan Saidatina Siti Khadijah R.A

Hasil analisis data mendapati terdapat beberapa ciri – ciri utama usahawan wanita Kelantan termasuklah mempunyai sokongan suami dan anak-anak, pengurusan masa, kewangan, cabaran, pengorbanan, mempunyai pekerjaan, menjalankan perniagaan, terlibat dalam pembangunan dan sumbangan sosial masyarakat, keagamaan dan mengikuti kursus dan latihan.



Rajah 4.6: Tiga Faktor Utama Kejayaan Usahawan Wanita Kelantan berdasarkan Analisis menggunakan Atlas.ti.

Pengurusan Keluarga

Faktor pertama adalah berkaitan dengan pengurusan keluarga. Faktor ini mempunyai lima sub elemen yang amat berkait rapat dengan kehidupan keluarga usahawan wanita Kelantan dan hampir menyamai ciri keusahawanan Sayyidatina Khadijah R.A. Lima elemen pengurusan keluarga adalah terdiri daripada sokongan suami dan anak-anak, pengurusan masa, kewangan, cabaran, dan pengorbanan. Semua elemen ini merupakan tunjang kepada pendirian sesebuah keusahawanan yang berjaya, malah dapat tumbuh mekar dalam keharmonian.

Elemen pertama bagi faktor pengurusan keluarga adalah sokongan suami dan anak-anak. Sokongan daripada suami dan anak-anak adalah elemen utama yang membantu menguatkan semangat dan membantu usahawan mengawal emosi agar dapat menguruskan perniagaan dengan lebih cekap. Berikut adalah antara petikan-petikan informan mengenai sub tema sokongan suami dan anak-anak;

“Sokongan terbesar adalah daripada suami di mana suami pendorong utama untuk mengeluarkan produk sendiri. Sentiasa memberi sokongan dan nasihat...Sokongan daripada keluarga dalam menguruskan rumah dan anak” (R28)

“Suami banyak memberi sokongan moral dan tenaga, manakala anakanak adalah alasan terbesar saya untuk terus berjaya. Saya akan menjadi contoh kepada mereka apabila mereka sudah besar. Usaha saya sekarang, dengan izin Allah SWT akan menjadi motivasi kepada anakanak untuk berjaya pada masa akan datang. Sokongan suami tidak pernah surut dari permulaan tidak kira susah mahupun senang” (R35)

Manakala elemen kedua adalah pengurusan masa. Majoriti daripada usahawan wanita Kelantan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah dalam pembahagian masa bagi menguruskan antara keluarga dan perniagaan. Ada di antara mereka yang menguruskan sendiri kedua-duanya, bersama suami menguruskan perniagaan dan saling membantu antara keluarga, malah ada juga yang mengambil pekerja lain bagi membantu menguruskan keluarga atau perniagaan.

“Cara beliau membahagikan masa antara kerjaya dan rumahtangga adalah 50%-50%. Beliau sangat bersyukur kerana suami beliau juga terlibat sama dalam menguruskan perniagaan jadi, ia menjadi satu kelebihan pada beliau kerana sentiasa dapat berdua atau bersama dengan suami dalam melakukan kerja setiap hari” (R11)

“Apabila memulakan perniagaan ini, masa saya akan lebih fleksibel berbanding kerja yang perlu menepati waktu kerja pejabat ataupun office hours. Oleh itu, saya boleh mengatur waktu saya

bersama dengan keluarga mengikut waktu yang saya mahukan selain dapat mengurus waktu perniagaan dengan lebih mudah” (R34)

Elemen ketiga bagi tema pengurusan keluarga adalah kewangan. Pengurusan kewangan yang baik merupakan satu langkah penting bagi memastikan perniagaan ditubuhkan berjalan lancar tanpa mengalami masalah pada masa akan datang. Hasil kajian mendapati usahawan wanita Kelantan sedaya upaya melaksanakan pengurusan kewangan secara berhemah, mengurangkan beban pinjaman kewangan, mendapatkan sumber modal dan simpanan kewangan.

“Menguruskan kewangan dengan berhemah dan sentiasa memperuntukan wang tidak kira wang organisasi atau wang perbelanjaan keluarga untuk membantu orang yang memerlukan” (R27)

“Sumber kewangan diuruskan bersama dengan suami beliau. Beliau dan suami mendapat gaji setiap bulan sama seperti staf yang lain. Sebahagian dari pendapatan disimpan untuk kecemasan dan pelaburan. Selebihnya akan digunakan untuk perniagaan yang masih di peringkat bertatih” (R17)

Selain itu, cabaran dalam menempuhi perniagaan merupakan elemen yang keempat bagi tema pengurusan keluarga. Cabaran yang berlaku merupakan risiko yang perlu dihadapi oleh usahawan wanita Kelantan. Antara sikap yang perlu ada ketika mereka menghadapi masalah atau cabaran adalah seperti positif, berani, sabar, tabah serta redha untuk menghadapi ujian dan cabaran. Elemen terakhir bagi pengurusan keluarga adalah pengorbanan yang meliputi pelbagai aspek termasuk pengorbanan diri, masa, keluarga, tenaga dan komitmen. Sesebuah pengorbanan perlu dilakukan oleh usahawan bagi mengecapi kejayaan dalam perniagaan.

“Sebagai seorang usahawan, kita sudah sedia maklum bahawa cabaran terbesar adalah pengorbanan dari segi masa terhadap keluarga utamanya” (R47)

“Segala cabaran dalam perniagaan akan membantu saya untuk terus memperbaiki kelemahan perniagaan saya dan menjadikannya lebih bagus dan efektif dari yang sebelumnya” (R49)

Kerjaya

Faktor kejayaan usahawan Wanita Kelantan yang kedua ialah kerjaya. Dimana, dibawah aspek kerjaya ini, pekerjaan dan perniagaan adalah unsur atau elemen penting bagi usahawan Wanita Kelantan. Bagi elemen atau unsur pekerjaan, hasil kajian mendapati majoriti usahawan wanita Kelantan menjalankan pelbagai jenis perniagaan walaupun terdapat juga sebahagian daripada mereka mempunyai kerjaya hakiki atau pekerjaan tetap selain daripada perniagaan.

“Kerjaya saya merupakan minat saya. Oleh disebabkan minat yang mendalam, saya memilih untuk mengembangkan perniagaan saya dalam bidang kerjaya saya sendiri supaya lebih ramai orang yang mendapat manfaat ke atas kerjaya dan minat saya” (R33)

“Ini merupakan cabaran terbesar saya sebagai seorang usahawan sambilan yang mempunyai kerjaya tetap. Saya perlu bijak membahagikan masa antara kerja hakiki saya di pejabat dan pada masa yang sama merupakan usahawan sambilan. Saya mempraktikkan urusan berkenaan perniagaan hanya dibuat selepas waktu bekerja dan hujung minggu. Hal ini, akan lebih mengajar saya untuk lebih berdisiplin dan teratur dalam menguruskan kerjaya dan perniagaan saya” (R35)

Selain elemen pekerjaan, faktor kerjaya juga dilihat dari aspek perniagaan. Terkini, usahawan-usahawan lebih memfokuskan kepada pengurusan yang lebih cekap dengan menggunakan sistem-sistem sokongan perniagaan, kaedah dan teknik perniagaan yang lebih tertumpu kepada pemasaran melalui media sosial bagi mengenal pasti peluang perniagaan yang dapat menghasilkan pulangan yang lebih baik dan menguntungkan. Hasil temu bual mendapati, usahawan-usahawan mempunyai pelbagai variasi mengikut ilmu dan kepakaran dalam melaksanakan perniagaan masing-masing. Walaupun mengikuti perkembangan Revolusi Industri 4.0, usahawan-usahawan wanita Kelantan didapati jelas mengamalkan ciri-ciri perniagaan yang berlandaskan agama Islam secara menyeluruh.

“Dalam melakukan perniagaan keupayaan untuk terus maju adalah apabila mempunyai sebab atau “goals” bukan sahaja untuk memajukan perniagaan semata-mata tetapi untuk kesejahteraan masa depan anak-anak dan keluarga” (R53)

“Daripada segi pemasaran pula, saya banyak belajar daripada kegagalan. Itulah 'resep rahsia' perniagaan saya” (R59)

Keterlibatan dalam Masyarakat

Manakala faktor ketiga iaitu keterlibatan dalam masyarakat adalah dianggap sebagai komponen pelengkap faktor-faktor kejayaan keusahawanan Sayyidatina Khadijah R.A. Faktor keterlibatan dalam masyarakat ini terbahagi tiga elemen, iaitu pembangunan dan sumbangan sosial, keagamaan serta kursus dan latihan.

Pembangunan dan Sumbangan Sosial merupakan elemen pertama dalam faktor keterlibatan dalam masyarakat. Kebanyakan usahawan wanita Kelantan banyak menyumbang kepada masyarakat dengan memberi peluang pekerjaan khususnya kepada masyarakat setempat.

“Memberi peluang pekerjaan kepada komuniti setempat” (R9)

“Bersama-sama suami membantu dan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat istimewa” (R28)

“...sentiasa memberi peluang kepada wanita di sekelilingnya tanpa mengira latar belakang dan usia” (R30)

Selain itu unsur keagamaan merupakan elemen yang kedua. Usahawan wanita Kelantan dilihat menjalankan perniagaan berlandaskan agama dan ekonomi muamalat seperti yang disarankan di dalam agama Islam. Hasil pendapatan yang diperoleh sebahagiannya disumbangkan untuk mengeluarkan zakat, membantu asnaf, sumbangan kepada sekolah tahfiz dan rumah anak-anak yatim. Selain itu, hasil kajian mendapati usahawan wanita Kelantan mementingkan perjuangan (berjihad) dalam penyampaian dakwah Islam serta sentiasa berusaha meningkatkan ekonomi Islam melalui cabang perniagaan.

“Melihat kepada pentingnya perjuangan (berjihad) dalam penyampaian dakwah Islam serta usaha meningkatkan ekonomi Islam dalam perniagaan” (R18)

“Dengan hasil daripada perniagaan saya, ada bahagian yang saya akan sumbangkan kepada pusat kebajikan, sekolah tahfiz dan rumah anakanak yatim. Saya mementingkan saham akhirat dan tahu sumbangan ini penting bagi kemudahan anak-anak bangsa di masa depan” (R59)

Kursus dan latihan merupakan elemen yang terakhir dalam tema keterlibatan dalam masyarakat. Para usahawan wanita Kelantan sentiasa berusaha meluangkan masa untuk menghadiri kursus dan latihan agar dapat meningkatkan ilmu pengetahuan bagi menjalankan strategi pemasaran perniagaan yang lebih baik dan sistematik.

“Menghadiri kursus-kursus, latihan dan menghadiri pameran berkaitan untuk mendapatkan ilmu bagi mendalami pengetahuan dalam bidang yang diceburi...mendapat bimbingan dari bekas mertua” (R4)

“Semasa saya awal-awal lagi berniaga, saya menghadiri satu kelas, dan Alhamdulillah produk pertama saya mendapat sambutan. Saya belajar banyak tentang dunia perniagaan sambil meningkatkan kemahiran komunikasi saya” (R43)

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Penyelidik membandingkan persamaan faktor-faktor ini dengan Sayyidatina Khadijah R.A. melalui analisis mendalam terhadap ciri-ciri keusahawanan dan keputusan-keputusan strategik yang diambil oleh beliau, seperti yang direkodkan dalam sumber-sumber sejarah dan kajian terdahulu. Penyelidik telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan temubual separa berstruktur terhadap 61 orang usahawan wanita Kelantan untuk mengumpul data yang relevan mengenai pengalaman, pandangan, dan strategi mereka. Hasil temubual ini dianalisis untuk mengenal pasti elemen-elemen yang sepadan dengan prinsip-prinsip keusahawanan Sayyidatina Khadijah R.A.

Kajian ini memperlihatkan kepentingan faktor-faktor kejayaan usahawan wanita Kelantan dalam membentuk model usahawan wanita berdasarkan contoh Sayyidatina Khadijah R.A. Kajian ini juga menyumbang kepada gagasan idea-idea bernas dan seterusnya

membangunkan model usahawan yang berasaskan ciri-ciri kejayaan Sayyidatina Khadijah R.A. Selain itu, ia dapat membantu pembentukan dasar dan polisi kerajaan yang lebih baik terhadap wanita dan keusahawanan.

Melalui peningkatan terhadap akses kepada pendidikan keusahawanan, program sokongan keluarga yang holistik, dan peluang keterlibatan dalam aktiviti sosial dan keusahawanan masyarakat, usahawan wanita dapat diperkasa dan memberikan impak positif terhadap pembangunan ekonomi setempat. Dengan cara ini, kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan praktikal untuk usahawan wanita dan pembuat dasar, serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih inklusif dan berdaya saing.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Urus Setia Kebajikan Wanita dan Keluarga negeri Kelantan di bawah pimpinan YB Dato' Mumtaz Md Nawī.

RUJUKAN

- Abu Bakar, M. (2013). Sayyidatina Khadijah Sebagai Model Usahawan Berjaya. Available at: <https://core.ac.uk/download/pdf/78485604.pdf>
- Ab Ghani, A. M., & Sarif, S. (2005). Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam. Jabatan Syariah Dan Pengurusan.
- Abd Hadi, F. S., & Borhan, J. T. (2013). Faktor-Faktor Kejayaan Perniagaan Khadijah Binti Khuwailid: Analisis Terhadap Usahawan Asnaf Di Lembaga Zakat Selangor. *Jurnal Syariah*, 21(2), 117-144.
- Antonio, M. S. i. (2018). *Ensiklopedia Leadership dan Manajemen Muhammad SAW: The Super Leader, Super Manager*. Tazkia Publishing.
- Chung, M., & Liao, H. (2014). Factors Influencing Women Entrepreneurship in Kelantan. *Journal of Business Research*, 67(2), 118-129.
- Ibrahim, N., & Dawood, S. R. S. (2020). Keunikan Budaya Berniaga Wanita Kelantan Di Bandar Kota Bharu. *e-BANGI*, 17(1), 93-107.
- Islam, K. S. (2015). Keusahawanan Sosial Islam: Faktor-Faktor Penglibatan Usahawan Sosial Berjaya. *National Research Seminar 2015: Strengthening Scholarships Through Research* Spko-47.
- Jawdah al-Sahhar, A. H. (1965). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah: Muhammad Rasūl Allah Walladhīna Ma'ahu (Khadijah Binti Khuwaylid)*. Cairo, Mesir: Maktabah Misr.
- Munawwarah, S. (2018). *Siti Khadijah Ummul Mukminin (Biografi dan Peran dalam Mendampingi Rasulullah)*. Skripsi Fakultas Adab dan Humaniora UIN Alauddin Makassar.
- Muliana, M. (2021). Politik Perempuan Masa Nabi Muhammad SAW: Studi Sejarah Perjuangan Siti Khadijah Tahun 610-620 M. *Undergraduate thesis*, IAIN Parepare.



- Nor Hidayati, A., Aziz, N., & Mohamed, H. (2020). Challenges Faced by Women Entrepreneurs in Kelantan, Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship*, 24(1), 45-57.
- Razwy, S. A. A. (1990). *Khadija-tul-Kubra (The Wife of the Prophet Muhammad): A Short Story of Her Life*. New York: Tahrike Tahsile Qur'an, Inc.
- Rehnuma Anis. (2019). Asiyah, Maryam, And Khadijah as Role Models for Contemporary Muslim Women. *IIUM Journal of Human Sciences*, 1(1), 30-42.
- Setiawan, A. I. (2019). Khadijah Binti Khuwailid: Sosok Wanita Teragung Sejagat Raya. *An-Nisa'*, 11(2).
- Suaibah, et al (2007). *Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan*. Vol 75087.
- Zainol, F., Abd Wahab, M., & Salleh, M. (2017). Government Support for Women Entrepreneurs in Kelantan: Challenges and Opportunities. *Asia Pacific Journal of Business Administration*, 8(3), 74-85.